

RABU, 10 JULAI 2019



Sarawak

Sabah

Nasional

Dunia

Iban

Sukan

Ekonomi

Mahkamah

Rencana

[Halaman Utama](#) » [Sarawak](#) » Dua komponen intervensi tangani isu bahan terlarang

## Dua komponen intervensi tangani isu bahan terlarang

🕒 2019-07-10T00:30:01+08:00



UNTUK ALBUM: Fatimah merakamkan gambar kenangan bersama penerima APC bagi tahun 2019 pada Majlis Ramah Mesra KWKPK dan Rakan Strategik di Kuching, malam kelmarin.

KUCHING: Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak (KWKPK) akan terus memberi tumpuan terhadap kedua-dua komponen intervensi

berbentuk penguatkuasaan dan bukan penguatkuasaan bagi menangani isu dan bahan terlarang di negeri ini.

Menterinya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ia dilaksanakan melalui kolaboratif dan perkongsian strategik dengan agensi-agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Jabatan Imigresen, Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM).

Sehubungan itu katanya, satu Kerangka dan Pelan Tindakan bagi menangani isu dadah dan bahan terlarang di Sarawak diwujudkan sejak 2017 sebagai dasar serta rujukan untuk melaksanakan 2,307 siri pelbagai Operasi Intervensi Bersepadu bagi Isu Dadah dan Substance (OBID) berbentuk penguatkuasaan dan bukan penguatkuasaan.

“Intervensi penguatkuasaan bertujuan menyekat pembekalan dan permintaan terhadap dadah. Sejak 2017 sehingga Mac 2019, sebanyak 294 siri operasi penguatkuasaan bersepadu sulit bagi membanteras pengedaran dadah diketuai JSJN, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak berjaya dilaksanakan.

“Hasilnya, sebanyak 19,113 kes melibatkan 20,438 tangkapan direkodkan dan daripada statistik tersebut, 145 kes melibatkan 309 tangkapan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan,” ujar sambil menambah kejayaan itu telah menempatkan IPK Sarawak di tempat pertama sebagai JSJN kontinjen paling aktif dan berjaya di Malaysia.

Beliau berkata demikian pada Majlis Ramah Mesra KWKPK dan Rakan Strategik serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 di Dewan Majma’ Tunku Abd Halim Mu’adzam Shah di Kompleks Islam Kuching di sini, malam kelmarin.

Sementara itu, Fatimah memberitahu seramai 253 mangsa jenayah seksual direkodkan berdasarkan statistik daripada PDRM bagi 2018.

Daripada bilangan tersebut katanya, seramai 199 atau 78.6 peratus adalah kanak-kanak dan 51 daripada mereka didapati mengandung.

“Daripada 233 suspek, 58 atau 26 peratus merupakan kanak-kanak. Dapatan daripada statistik ini amat membimbangkan kerana kanak-kanak bukan sahaja menjadi mangsa dalam jenayah seksual tetapi juga pemangsa.

“Justeru bagi menangani isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) telah membangunkan satu Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak,” jelasnya.

Sistem itu katanya, diwujudkan untuk mempertingkatkan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak dengan menyediakan kemudahan semakan kepada individu termasuk ibu bapa dan agensi yang mengambil kakitangan dalam sektor pekerjaan yang melibatkan kanak-kanak.

Selain itu katanya, kementerian turut melancarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kes Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-Kanak bagi menyelesaikan kes terbabit dengan cepat, cekap dan tepat khususnya dalam menyampaikan bantuan yang diperlukan oleh mangsa.

“Sebagai kesinambungan kepada SOP Pengurusan Kes Keganasan Rumahtangga Terhadap Wanita dan Kanak-Kanak, satu sistem sokongan sosial Kementerian JWKS HELPLINE Social Support CCT melalui talian 082-448866 atau talian bebas tol 1-800-22-5566 telah dilancarkan.

“Malahan, HELPLINE KEBAJIKAN (082-514141) juga diwujudkan bagi membolehkan orang ramai membuat pelbagai pertanyaan dan aduan serta menyampaikan maklumat berkaitan kebajikan.

”Ia merangkumi skim bantuan kebajikan, kemiskinan, orang papa atau gelandangan, keganasan rumah tangga, pengabaian, penderaan, masalah juvana atau kanak-kanak, orang kelainan upaya (OKU), kaunseling dan juga bencana alam,” ujarinya.

Sementara itu, mengenai kebajikan masyarakat, Fatimah berkata KWKPK sentiasa meningkatkan usaha untuk memastikan masyarakat berkeperluan diberi bantuan sewajarnya berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Menurutnya, sebanyak RM209.6 juta telah dibelanjakan untuk membantu seramai 58,038 penerima pada 2018.

“Mereka yang dibantu terdiri daripada penerima dalam kategori Bantuan Kanak-Kanak (BKK) seramai 11,560 orang, Bantuan Orang Tua (BOT) 22,440 orang, Elaun Pekerja Cacat (EPC) 3,433 orang, Bantuan Penjagaan OKU atau Pesakit Kronik Terlantar (BPT) 2,001 orang, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) 6,937 orang, Bantuan Am (BA) 11,603 orang, Bantuan Anak Pelihara (BAP) 18 orang dan Bantuan Belia-Beliawanis (BBB) 46 orang,” jelasnya.

 oleh Marlinda Mardzuki

---

Kategory [Sarawak](#)

---